

Headline	Pasar Tani Kekal Nyiur Tujuh dibuka semula		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	05 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	35	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	213 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,689
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,066



Pasar Tani Kekal Nyiur Tujuh dibuka semula



Fauzi (tengah) melawat gerai yang menjual pelbagai jenis makanan di PTN Nyiur Tujuh.

JERTIH - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) membuka semula Pasar Tani Kekal (PTK) Nyiur Tujuh di sini selepas tidak beroperasi sejak Jun tahun lepas.

Pengarah Fama Terengganu, Fauzi Mohamed berkata, PTK tersebut dibuka semula awal Februari ini dengan program yang lebih menarik dan diharap dapat menarik lebih ramai pelanggan.

Menurutnya, PTK yang beroperasi sejak Februari 2017 itu sebelum ini mempunyai 12 peniaga

namun mereka tidak dapat meneruskan perniagaan kerana kurang sambutan.

"Sekarang seramai 11 peniaga terlibat dalam PTK Nyiur Tujuh yang baru beroperasi semula termasuk tiga peniaga lama," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Pembukaan PTK Nyiur Tujuh, di sini.

Hadir sama Pemangku Pengarah Pertanian Terengganu, Zulkepli Amin Yusof dan Pegawai Fama Besut, Abdul Rashid Che Muda.

Fauzi berkata, nilai jualan di PTK sepanjang 2017

sebanyak RM545,588.20 manakala bagi tempoh Januari hingga Jun tahun sama sebanyak RM260,889.50.

"Pada tahun ini, pelbagai program seperti karnival jualan murah dan kempen akan dilakukan setiap bulan di sini dan diharapkan pendapatan dan nilai jualan akan meningkat," katanya.

Sementara itu, sempena Program Pembukaan PTK, jualan murah bagi produk tertentu dengan potongan antara lima hingga 20 peratus turut diadakan bermula Khamis sehingga semalam.